



کمنترین کبودایان بلیا

دان سوکن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

جانغ  
CANANG

Februari 2023



## PETIKAN TITAH



"Mengenai bidang pendidikan juga, Beta melihat supaya Skim Pendidikan biasa dan ugama dapat bersatu di bawah pengurusan yang sama supaya tenaga para pendidik dapat diintegrasikan dalam waktu persekolahan, iaitu bagi memenuhi maslahat dan kemudahan para ibu bapa dan penjaga ketika menghantar dan mengambil anak-anak sekolah.

Turut sangat penting ialah penerapan ilmu ugama dan nilai-nilai murni sebagai pasak bagi mengukuhkan jati diri bangsa. Maka oleh itu, generasi muda yang merangkumi para penuntut dan belia mestilah sama-sama dibawa untuk mengenali dan menghayati ajaran-ajaran ugama.

Akhirnya, Beta sukacita ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan Ahli-Ahli Jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-39 pada tahun ini. Tidak lupa juga diucapkan penghargaan kepada semua lapisan, termasuk warga Perkhidmatan Awam, sama ada yang bertugas di dalam dan luar negara, Pasukan-Pasukan Keselamatan, Para Sukarelawan termasuk Belia serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan do'a semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Amin."

### TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-39**



## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

**Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hassan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

**Pengerusi:**

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus  
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

**Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

**Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

**Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

**Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

## MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-39, TAHUN

**Bandar Seri Begawan, Selasa, 16 Rejab 1444/7 Februari 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 bertempat di Dewan Digadong, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hari ini.

Mesyuarat ini adalah kesinambungan bagi mesyuarat terdahulu yang mengongsikan persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 termasuk persediaan raptai-raptai yang akan dilaksanakan khususnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja ke majlis-majlis utama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, iaitu Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yasin serta membaca Doa Kesyukuran; Upacara Perhimpunan Agung termasuk konsep persembahan, dan Riadah Berbasikal Sema-ngat Kebangsaan; serta persediaan acara-acara sambutan, seperti Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera serta acara-acara sampingan, iaitu Majlis Khatam Al-Quran 39 Kali.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mesyuarat diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Dato telah mengongsikan bahawa persiapan-persiapan sedang giat dilaksanakan ke arah menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 yang akan diadakan pada Khamis, 23 Februari 2023 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Turut hadir, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Yang Mulia Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ahli-ahli dan wakil ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023.



## SESI MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA BERSAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bandar Seri Begawan, Rabu, 17 Rejab 1444/8 Februari 2023** – Sesi Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diadakan hari ini di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Antara objektif utama Sesi Muzakarah ini bertujuan untuk mendengarkan perbincangan dua hala yang berguna dan produktif bagi semua pihak, ke arah mencapai matlamat KKBS menuju Kecemerlangan di samping berperanan sebagai wadah bagi kedua-dua pihak untuk bercambah fikiran ke arah memberikan nilai tambah dan kemanfaatan bersama.

Mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke Sesi Muzakarah tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi bin Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) serta Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa oleh Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, diikuti dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Ketua Rombongan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Seterusnya taklimat mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sesi Muzakarah seperti ini diharap akan dapat memberi masukan dan inspirasi yang bermanfaat dan berfaedah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, terutamanya mengenai Rancangan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi mencapai visi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan secara berstruktur dan berhemah.



## MAJLIS PELANCARAN PUSAT KECEMERLANGAN SEJARAH DAN KESULTANAN BRUNEI



**Anggerek Desa, Khamis, 18 Rejab 1444/9 Februari 2023** – Majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei sempena 41 Tahun Penubuhan Pusat Sejarah Brunei berlangsung di Pusat Pengkajian Borneo, Anggerek Desa.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Mulia Awang Alomsa Noradzmin bin Haji Alli Omar.

Majlis turut diselajurkan dengan perasmian bilik rujukan khas sumber sejarah dan kesultanan Brunei yang dikenali sebagai Bilik Koleksi Sumber Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.



Terdahulu, Yang Mulia Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya menjelaskan Pusat Sejarah Brunei telah mencapai hasratnya menjadi Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei pada tahun ini, sesuai dengan usia penubuhannya yang kini mencapai empat dekad.

Turut hadir Yang Mulia Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, para jemputan khas, serta pegawai dan kakitangan Pusat Sejarah Brunei.

## KUNJUNGAN HORMAT TUAN YANG TERUTAMA LUKE LAZARUS ARNOLD, PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM




**Bandar Seri Begawan, Khamis, 18 Rejab 1444/9 Februari 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Luke Lazarus Arnold, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan).

Pada kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperhatian dan kepentingan bersama.

Kedua-dua belah pihak merakamkan rasa penghargaan atas hubungan kerjasama yang terjalin sejak sekian lamanya dan berharap ia akan sentiasa berkembang dan dapat diperkukuhkan lagi melalui pertukaran lawatan dan kerjasama dalam bidang-bidang yang sedia ada dan pada masa akan datang.



## LAWATAN ISTERI PERDANA MENTERI REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA

**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 20 Rejab 1444/11 Februari 2023** - Isteri Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Puan Le Thi Bich Tran beserta rombongan meneruskan lagi lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja, di ibu negara, di sini.

Ketibaan Puan Le Thi Bich Tran dan rombongan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam lawatan tersebut, Puan Le Thi Bich Tran dan rombongan diberikan penerangan pengenalan mengenai Muzium Alat Kebesaran Diraja dan kemudiannya meninjau lebih dekat lagi ke galeri-galeri.

Sebelum mengakhiri lawatan, Puan Le Thi Bich Tran menandatangani Buku Lawatan.



## LAWATAN ISTERI MENTERI KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA



**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 20 Rejab 1444/11 Februari 2023** - Bagi meraikan Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam di Republik Islam Iran Ke-44, Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam, hari ini, mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Royal Berkshire Tarindak D'Polo, Jerudong, di sini.

Hadir selaku wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad dan isteri.

Kehadiran Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta para jemputan khas dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki.

Majlis terdahulu dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Kebangsaan Republik Islam Iran, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Kemudian, majlis diteruskan dengan ucapan daripada Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki di mana Puan Yang Terutama menjelaskan hubungan dua hala antara Republik Islam Iran dan Negara Brunei Darussalam sentiasa berlandaskan persahabatan dan persefahaman bersama serta hubungan persaudaraan yang baik sebagai dua buah negara Islam, telah diperkukuhkan dalam tempoh empat tahun tempoh perkhidmatan PYT.

Kemuncak majlis ialah memotong Kek Ulang Tahun yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada media tempatan dan sumbangan derma kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan).

Para tetamu yang hadir kemudiannya dialu-alukan untuk menikmati jamuan yang disediakan sambil menyaksikan tayangan video mengenai Republik Islam Iran.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Iran antara dua buah negara yang mempunyai persamaan dari segi sejarah, budaya dan agama serta mempunyai banyak minat sama yang membuatkan kedua-dua buahnya menjadi lebih rapat dan meningkatkan hubungan serta kerjasama dalam pelbagai aspek.

**MAJLIS PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN DAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA  
TABUNG KEMANUSIAAN GEMPA BUMI REPUBLIC TURKIYE DAN  
REPUBLIC ARAB SYRIA**



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 23 Rejab 1444/14 Februari 2023** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni AlMarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan "Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria" dan seterusnya penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Penubuhan tabung kemanusiaan ini bertujuan untuk mengumpulkan derma berbentuk kewangan sahaja daripada semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang telah dilanda bencana gempa bumi pada 6 Februari 2023 lalu.

Jawatankuasa Khas tersebut telah bersidang petang tadi di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Awang Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan sektor swasta. Mesyuarat diadakan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan usaha bagi mengumpulkan derma daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku Penasihat-Penasihat Bersama ke mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Timbalan Penasihat Bersama.

Mesyuarat Jawatankuasa pada hari ini telah menetapkan bahawa tempoh kutipan derma akan diadakan selama tiga (3) bulan iaitu mulai hari ini, **14 Februari 2023 hingga 14 Mei 2023**.

Bagi orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan bolehlah berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (sticker) Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria atau menghantar terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

Mesyuarat telah didahului dengan Pelancaran SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria. Ini merupakan salah satu usaha untuk memberi kemudahan kepada orang ramai untuk menghulurkan derma kepada tabung berkenaan yang diungkuhkan bersama DST Sendirian Berhad, Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad.

Acara pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir Setiausaha-Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil daripada DST Sdn Bhd, Progresif Sdn Bhd dan Imagine Sdn. Bhd





## MAJLIS PENGAGIHAN BENDERA KECIL SEMENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39, TAHUN 2023



**Hari Rabu, 24 Rejab 1444H / 15 Februari 2023M** - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan maktab serta sekolah arab dan ugama bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Ke 39, Tahun 2023. Pengagihan ini berlangsung secara serentak pada hari ini di keempat-empat daerah.

Majlis ini bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme di kalangan pelajar bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023.

Hadir selaku Tetamu kehormat bagi Majlis Pengagihan Bendera Kecil di Daerah Brunei dan Muara ialah Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Acara telah diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampong Katok. Seramai 1390 orang pelajar telah terlibat dalam acara tersebut.



Sementara itu, bagi Daerah Tutong, majlis yang sama juga diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja ialah Yang Mulia Awang Safuanny bin Hj Juned, Pegawai Kluster 4. Seramai 378 orang pelajar terlibat pada acara berkenaan.

Di Daerah Belait pula, majlis diadakan di Dewan Sekolah St. John's, yang melibatkan seramai 160 orang pelajar. Hadir selaku tetamu kehormat acara tersebut ialah Yang Mulia Dayang Halizawati binti Haji Kepli, Ketua Kluster 6.

Manakala di daerah Temburong, Majlis Pengagihan Bendera Kecil telah diadakan di Dewan Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi dan melibatkan seramai 96 orang murid. Hadir selaku tetamu kehormat pada acara ini ialah Yang Mulia Dayang Hamidah binti Haji Mohd Daud, Ketua Kluster 1.

## UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39, TAHUN 2023



**Bandar Seri Begawan, Khamis, 25 Rejab 1444/16 Februari 2023** – Upacara menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Tahun 2023, telah diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.



Hadir selaku Tetamu Kehormat di upacara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke 39, Tahun 2023.



Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali, Pesuruhjaya Polis, Yang Mulia Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selaku Timbalan Pengerusi Bersama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 serta ahli-ahli Jawatankuasa lain.



Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Mohd Hasnal bin Haji Mohamad, Imam Tingkat I, Masjid Omar Ali Saifuddien.



Di akhir upacara, majlis telah disempurnakan dengan penyampaian bendera-bendera negara bersaiz sederhana dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 kepada Pegawai-Pegawai Daerah bagi keempat-empat daerah.

Dengan berkibarnya bendera besar negara, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengibarkan bendera bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 di rumah-rumah kediaman masing masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai hari ini Khamis, 25 Rejab 1444 bersamaan 16 Februari 2023 sehingga hari Sabtu, 4 Syaaban 1444 bersamaan 25 Februari 2023.

## SIDANG MEDIA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39, TAHUN 2023

**Bandar Seri Begawan, Isnin, 29 Rejab 1444/20 Februari 2023** - Satu Sidang Media mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 telah diadakan di Dewan Citra, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama, acara-acara sampingan dan keraian serta persiapan-persiapan yang telah dilaksanakan bagi sambutan tersebut.

Sidang media turut dihadiri oleh beberapa Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 yang juga memberikan penerangan, iaitu Yang Mulia Awang Haji Suip bin Haji Abdul Wahab, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol; Yang Mulia Hajah Hamsah binti Datu Kerma Haji Jaya, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan selaku wakil Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Media dan Publisiti ; Yang Mulia Penguasa Kanan Awang Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah, Pemangku Pengarah, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, Pasukan Polis Diraja Brunei selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Keselamatan (Sekuriti) dan Lalulintas; Yang Mulia Dayang Nur Ayu Emran, Staff Nurse / Paramedik, Kementerian Kesihatan; Yang Mulia Mejar (B) Awang Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Keselamatan (Sekuriti) dan Lalulintas; dan Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Acara-Acara Keraian dan Sampingan.

Turut diadakan dalam Majlis Sidang Media ialah penyampaian hadiah kepada pemenang pencipta logo dan juga penyampaian poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 kepada wakil setiap kementerian.



## TINJAU PERSEDIAAN MAJLIS DOA KESYUKURAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 1 Syaaban 1444/21 Februari 2023** - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Tahun 2023 Masihi akan diadakan esok bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Bagi memastikan acara berjalan dengan lancar, Jawatankuasa Kerja Acara Keugamaan berkenaan telah membuat tinjauan persediaan bagi acara tersebut.

Hadir semasa tinjauan tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Juga hadir, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie, dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Selain tumpuan utama di Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, acara keagamaan ini juga akan diadakan di beberapa buah masjid di seluruh Negara yang juga dijadikan tumpuan, iaitu Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan bagi Daerah Brunei dan Muara.

Manakala bagi Daerah Belait, tumpuan majlis ialah di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Pandan, Kuala Belait, dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Bagi Daerah Tutong pula akan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, sementara di Daerah Temburong, majlis akan berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

# UPACARA PERHIMPUNAN AGUNG SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSLAM KE-39, TAHUN 2023

**Bandar Seri Begawan, Selasa, 1 Syaaban 1444/21 Februari 2023** - Ucapan Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diadakan di Taman Sir Omar 'Ali Saifuddien.

Pukulan hadrah mengalu-alukan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja bergerak memasuki pekarangan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara yang sememangnya menyerikan lagi Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-39, Tahun 2023



## UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 4 Syaaban 1444/25 Februari 2023** – Upacara menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang berkibar megah di ruang angkasa Bandar Seri Begawan sejak 16 Februari, telah berlangsung bagi menandakan berakhirnya pengibaran bendera di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke39 Tahun 2023. Upacara diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan upacara tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Mulia Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop, Imam Tingkat I, Masjid Omar Ali Saifuddien.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan pasukan Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bergerak masuk dengan iringan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei. Upacara menurunkan bendera dilangsungkan dengan penuh semangat patriotisme, yang diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'. Bendera besar yang selesai diturunkan kemudian diserahkan kepada Tetamu Kehormat majlis bagi menandakan berakhirnya secara rasmi pengibaran bendera di seluruh negara.

Turut hadir ke upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2023 serta ahli-ahli Jawatankuasa Kerja lain.



# BUKU DIGITAL : 'LENSA PFNBD' DILANCARKAN



**Bandar Seri Begawan, Ahad, 5 Syaaban 1444/26 Februari 2023** - Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) akan terus bergerak lagi ke hadapan dengan pelancaran Buku Di-gital PFNBD yang bertajuk 'Lensa PFNBD'.

Yang Di-Pertua PFNBD, Yang Mulia Awang Yusma Bahrin bin Dato Paduka Haji Md. Yusof menjelaskan bahawa buku tersebut bertujuan untuk mengenalkan pertubuhan kepada orang ramai dan juga untuk rujukan ahli-ahli pertubuhan serta sebagai warisan negara generasi yang akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Buku Digital 'Lensa PFNBD' ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semasa majlis penghargaan tersebut, Awang Mohammad Suffri bin Awang Osman diumumkan sebagai Pemenang Peraduan Best Photographer of The Year Bagi Tahun 2022.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian Anugerah 'Honorary Fellowship of Brunei Photographic Society', Anugerah 'Honorary Associateship of Brunei Photographic Society', Anugerah 'Diploma Brunei Photographic Society', Anugerah Khas Penghargaan PFNBD serta penyampaian Surat Lantikan Penasihat Baharu PFNBD.

Acara Dwi Tahunan PFNBD itu bertujuan bagi menghargai jasa dan sumbangan para ahli serta meraikan ahli-ahli pertubuhan berkenaan.



## MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ BAGI TAHUN 1444 HIJRAH/2023 MASIHI

**Berakas, Isnin, 06 Syaaban 1444/27 Februari 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1444 Hijrah/2023 Masihi di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ke majlis tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd Wahab selaku pengerusi majlis; serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib, Qari Belia Kebangsaan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang kemudiannya meneruskan bacaan ayat suci Al-Quran, Surah Al-Israk, ayat 1.



Majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Sembahyang Meraih Redha Allah' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ceramah memfokuskan peristiwa Israk dan Mikraj sebagai kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu satu pengalaman perjalanan secara rohani dan fizikal Baginda dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin.

Melalui peristiwa inilah, ibadah sembahyang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala secara langsung kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Memohon Perlindungan daripada Wabak COVID-19 oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Awang Mohamad Adham bin Hashim dan Selawat Tafrijiyyah sebagai penutup majlis.



## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELI DAN SUKAN SERTA PESTA BUKU ANTARABANGSA MUSCAT KE-27



**Muscat, Oman, Selasa, 7 Syaaban 1444/28 Februari 2023** - Bagi mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, seramai empat orang pegawai dari Pusat Sejarah Brunei, Jabatan Muzium-Muzium dan Dewan Bahasa dan Pustaka menyertai Pesta Buku Antarabangsa Muscat Ke-27 bagi Tahun 2023.

Pesta Buku berkenaan berlangsung selama 11 hari bermula pada 22 Februari hingga 4 Mac 2023 bertempat di Oman Convention & Exhibition Centre (OCEC), Muscat, Oman.

Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Muscat berkenaan diadakan pada 22 Februari 2023 dan dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sayyid Hamoud bin Faisal Al Busaidi, selaku Penaung Pesta Buku Antarabangsa Muscat.

Pesta buku berkenaan disertai oleh 826 penerbit dan pengedar buku daripada 32 buah negara.

Sebanyak 20 tajuk buku terbitan Pusat Sejarah Brunei; 20 tajuk buku terbitan Jabatan Muzium-Muzium; dan 46 tajuk buku terbitan Dewan Bahasa Pustaka dipamerkan dan dijual di petak jualan 3G11 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Antara tajuk buku berkenaan ialah *'As Guest of Allah with Members of Brunei Royal Family : A Memoir'*; *'Brunei and Nusantara : History in Coinage'*; *'The Heroism of Awang Semaun'*; *'Al Malikul Sh Sha'ir'*; *'Assultan Assyarif Ali'*; *'Featherstars of The Sea Around Brunei Darussalam'*; *'Usrah Si Kalabang'*; *'Poskad Arkib'*; *'The Arabs and The Art of Translation'*; *'Asal Usul Sungai Si Amas'* (terjemahan dalam bahasa Arab, Jepun, Jerman, Korea, Mandarin dan Perancis); *'The Golden Warisan Brunei Darussalam Vol. 1 dan Vol. 2'*; dan *'Zoey Topeng Sakti 1 dan 2'* (English Version).

Pelbagai program dan aktiviti kebudayaan dan kesenian daripada pelbagai syarikat dan agensi juga diadakan bagi memeriahkan suasana sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Muscat.

Antara program dan aktiviti berkenaan ialah Seminar 'Omani Culture in UNESCO'; Sesi Dialog *'The Historical Novel in Oman'*; *'Youth and the Industry of Influence on Social Media'*; Sesi Diskusi 'Omani Cultural Identity'; Bengkel *'How to Choose the Story That Suits My Child'*; dan pelbagai aktiviti gabungan kebudayaan, kesenian dan sains teknologi khusus untuk kanak-kanak yang diselenggarakan oleh *Oman's Children Museum* dan Pusat Teknologi dan Sains dari *Interior Governate*.

Di samping pameran dan jualan buku di dalam dewan utama, pameran kesenian seperti lukisan, fotografi, kaligrafi dan muzik juga diadakan di ruang legar.

Beberapa syarikat dan agensi menyertai pameran berkenaan antaranya ialah Saham Pioneers for Arts, Qomra since 2011, Madad Al Khat Al Arabi, Nutaila Zahran Al Rawahi Calligrapher, Omani Women Association-Muscat dan Naila Fine Art Center.

## FOOTBALL FORUM



**Berakas, Selasa, 07 Syaaban 1444/28 Februari 2023** - Football Forum '*Where Do We Go From Here*' yang dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) telah berlangsung di *Lecture Theatre, FABD House, Jalan Pusat Persidangan*.

Hadir selaku wakil Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Forum tersebut bertujuan untuk membincangkan hala tuju dan pembangunan Bola Sepak di negara ini dan sesi soal jawab.

Ucapan kata alu-aluan disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan, Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD.)

Seterusnya, Forum tersebut diakhiri dengan *Post Mortem* yang dikendalikan oleh Yang Mulia Mario Riviera, Ketua Jurulatih Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Paul Munster, Pengarah Teknikal dan Yang Mulia Atsushi Hanita, Jurulatih Pasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.





سمبوتن اولغ تاهون

# هاري كېڭىساان

ننگارا بروني دارالسلام  
ك-۳۹، تاهون ۲۰۲۳

## **KIBARKANLAH BENDERA KEBANGSAAN DAN BENDERA PERIBADI**

BERMULA  
25 REJAB HINGGA 04 SYAABAN 1444H  
BERSAMAAN  
16 FEBRUARI HINGGA 25 FEBRUARI 2023M



### **E-POSTER SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-39, TAHUN 2023**



**دريگه‌ايو**  
Dirgahayu

*Sempena Menyambut Puja Usia  
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri  
Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*

Sempena Puja Usia

ke  
**49**  
Tahun

26 Rejab 1444H  
17 Februari 2023M

*Merafak Sembah Daripada Warga  
Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan*



**E-POSTER SEMPENA PUJA USIA KE 49 TAHUN  
DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA  
MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH**



# سلامت مپیوت اسراء دان معراج

Selamat Menyambut Isra' dan Mi'raj

Tema:  
Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa  
Menghadapi Ujian: Sembahyang Meraih Redha Allah

27 Rejab 1444H / 18 Februari 2023

**E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT ISRAK DAN MIKRAJ  
1444H**



**E-POSTER SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN  
KE-39, TAHUN 2023**

**رياضه بریاسیکل**  
**سماغت هاري کبڠساان**  
**Riadah Berbasikal**  
**Semangat Hari Kebangsaan**

منجاياکن و اوسن نڠارا  
 MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA  
 23 FEBRUARI 2023

Sempena  
 Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam  
 Ke-39, Tahun 2023

**7.00 PAGI**  
**AHAD,**  
**5 SYAABAN 1444**  
**26 FEBRUARI 2023**  
**TAMAN HAJI SIR MUDA**  
**OMAR 'ALI SAIFUDDIEN**  
**BANDAR SERI BEGAWAN**

**E-POSTER SEMPENA RIADAH BERBASIKAL SEMANGAT**  
**HARI KEBANGSAAN**



كـمـتـرـيـن كـبـودايـان بـليـا دـان سـوكـن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**Negara Brunei Darussalam**

**E-mel:** [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)

**Laman Sesawang:** [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

**Instagram:** @kkbs\_brunei

**Facebook:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan